

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 24 September 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
OGOS 2021

Inflasi meningkat 2.0 peratus pada Ogos 2021

PUTRAJAYA, 24 September 2021 – Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan **2.0 peratus** pada bulan Ogos 2021 kepada **122.5** berbanding **120.1** pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP merekodkan kenaikan untuk bulan ketujuh berturut-turut semenjak Februari 2021 disebabkan oleh kesan asas pada tahun lalu. Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan berkaitan **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OGOS 2021** pada hari ini.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Kumpulan pengangkutan terus mencatat kenaikan dua-digit sejak Mac dan terus meningkat **11.0 peratus** pada Ogos 2021 berbanding tahun lalu. Makanan & Minuman Bukan Alkohol meningkat **1.2 peratus** pada Ogos 2021 berbanding **1.3 peratus** pada bulan sebelumnya. Indeks Makanan di Luar Rumah meningkat **1.0 peratus** pada Ogos 2021 dan Masakan berasaskan daging, Burger dan Sate adalah antara makanan yang mencatatkan kenaikan dalam subkumpulan ini. Sementara itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain merekodkan kenaikan marginal sebanyak **0.6 peratus.**"

Ketua Perangkawan Malaysia juga menambah bahawa kumpulan lain yang turut merekodkan kenaikan adalah Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi

Rumah (**1.7%**); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (**0.7%**) dan Restoran & Hotel (**0.6%**). Komunikasi dan Pendidikan kedua-duanya kekal tidak berubah, manakala Kesihatan meningkat secara marginal sebanyak **0.3 peratus** berbanding 12 bulan yang lalu. Minuman Alkohol & Tembakau meningkat **0.4 peratus**, manakala Pakaian & Kasut dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan masing-masing menurun sebanyak **negatif 0.4 peratus** dan **negatif 0.6 peratus**. Tambah beliau lagi, IHP bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 menunjukkan peningkatan **2.3 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP kekal tidak berubah berbanding Julai 2021. Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain masing-masing meningkat **0.1 peratus**, namun diimbangi dengan penurunan bagi Pengangkutan (**-0.1%**) dan Pendidikan (**-0.1%**). Penetapan harga runcit maksimum bagi minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol oleh kerajaan berkuat kuasa 1 Ogos 2021 sedikit sebanyak telah meredakan inflasi bagi subkumpulan Minyak & lemak kepada **negatif 0.4 peratus** daripada **0.2 peratus** pada Julai 2021.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, "Indeks teras meningkat **0.6 peratus** pada Ogos 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara kumpulan utama yang bertindak sebagai pendorong kepada kenaikan ini adalah kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (**1.7%**); Pengangkutan (**0.7%**); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (**0.7%**); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (**0.6%**); Restoran & Hotel (**0.6%**) dan Kesihatan (**0.3%**). Indeks teras meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali item makanan segar yang mempunyai harga tidak menentu serta harga yang dikawal."


IHP tanpa bahan api meningkat **0.5 peratus** pada Ogos 2021 kepada **113.2** berbanding **112.6** pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel.

Enam negeri iaitu Terengganu (**2.6%**), Sarawak (**2.4%**), Pahang (**2.4%**), Kelantan (**2.4%**), Perak (**2.1%**) dan Kedah & Perlis (**2.1%**) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional **2.0 peratus** pada Ogos 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi


indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (**1.8%**), diikuti oleh Kelantan (**1.4%**) dan Pahang (**1.3%**). Sementara itu, negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu **1.2 peratus** pada Ogos 2021.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1 : Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Teras dan Indeks Tanpa Bahan Api bagi Ogos 2020 - Ogos 2021



**Carta 2 : Perubahan Peratus indeks Kumpulan Terpilih
bagi Ogos 2020 – Ogos 2021**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 SEPTEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 24 September 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
AUGUST 2021**

Inflation rose 2.0 per cent in August 2021

PUTRAJAYA, 24 September 2021 – Consumer Price Index (CPI) increased **2.0 per cent** in August 2021 to **122.5** as against **120.1** in the same month of the preceding year. CPI recorded an increase for the seventh consecutive months since February 2021 due to the base effect last year. Department of Statistics, Malaysia released the report on **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), AUGUST 2021** today.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "The Transport group continued to record a double-digit increase since March and edged up by **11.0 per cent** in August 2021 as compared to a year ago. The Food & Non-Alcoholic Beverages was up by **1.2 per cent** in August 2021 as against to **1.3 per cent** in the previous month. The index for Food away from Home increased **1.0 per cent** in August 2021 and Cooked beef, Burger and Satay were among the food that recorded increases in this subgroup. Meanwhile, Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels registered a marginal increase of **0.6 per cent**."

The Chief Statistician Malaysia added that other groups which recorded increases were the Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (**1.7%**); Recreation Services & Culture (**0.7%**) and Restaurants & Hotels (**0.6%**). Both Communication and Education remained unchanged, while Health marginally increased by **0.3 per cent** as compared to the last 12 months. Alcoholic Beverages & Tobacco

increased **0.4 per cent**, while both Clothing & Footwear and Miscellaneous Goods & Services declined by **negative 0.4 per cent** and **negative 0.6 per cent** respectively.

He further explained that the CPI for the period of January to August 2021 increased **2.3 per cent** as compared to the same period last year. On a monthly basis, CPI remained unchanged as compared to July 2021. The Food & Non-Alcoholic Beverages and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels groups increased **0.1 per cent** respectively, but it was offset by the decline in Transport (**-0.1%**) and Education (**-0.1%**). The setting of maximum retail prices for pure palm cooking oil in bottled packaging by the government effective 1st August 2021 has slightly eased the inflation of subgroup Oils & fats to **negative 0.4 per cent** from **0.2 per cent** in July 2021.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Core index rose **0.6 per cent** in August 2021 as compared to the same month of the previous year. Among the major groups which influenced the increase were Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (**1.7%**); Transport (**0.7%**); Recreation Services & Culture (**0.7%**); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (**0.6%**); Restaurants & Hotels (**0.6%**) and Health (**0.3%**). Core index covers all goods and services except volatile items of fresh food as well as administered prices."

The CPI without fuel increased **0.5 per cent** in August 2021 to **113.2** as compared to **112.6** in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel.

Six states namely Terengganu (**2.6%**), Sarawak (**2.4%**), Pahang (**2.4%**), Kelantan (**2.4%**), Perak (**2.1%**) and Kedah & Perlis (**2.1%**) surpassed the national CPI rate of **2.0 per cent** in August 2021 as compared to the same month of the previous year. All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (**1.8%**), followed by Kelantan (**1.4%**) and Pahang (**1.3%**). Meanwhile, other states showed an increase below the national index of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of **1.2 per cent** in August 2021.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Percentage Change of Headline CPI, Core Index and CPI Without Fuel for August 2020 - August 2021





Chart 2: Percentage Change of Selected Group for August 2020 – August 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
24 SEPTEMBER 2021**